



UtusanKota

UDA Holdings Berhad sedia bayar pampasan

KUALA LUMPUR 5 Mei - Projek bagi memajukan kawasan Pasar Minggu Kampung Baru di Jalan Raja Muda Musa, di sini mengambil masa antara tiga hingga empat tahun apabila kerja-kerja pembangunan dimulakan.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani (*gambar*) berkata, perbalahan di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pemilik lot kedai di kawasan berkenaan akan cuba diselesaikan di luar mahkamah.

"Kita tidak mahu memanjangkan lagi kes tersebut kerana jika dibiarkan berlarutan, rancangan untuk memajukan kawasan pasar tersebut pastinya tergendala dan akan mengambil masa bertahun lamanya lagi.

"Sebab itu saya sudah mendapatkan persetujuan kedua-dua pihak supaya UDA Holdings Berhad yang berada di bawah Kementerian Kewangan untuk menyelesaikan perkara ini dengan membayar pampasan kepada penduduk serta membangunkan kawasan berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui selepas mengadakan mesyuarat bersama kira-kira 200 pemilik lot kedai berkenaan di Dewan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, di sini baru-baru ini.

Pada 11 Februari lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan yang kawasan pasar terbabit akan dibangunkan bagi mengindahkan lagi imej Kampung Baru se-



bagai lokasi tumpuan dan rancangan itu mengalami sedikit kesulitan berhubung isu pampasan yang dibangkitkan pemilik lot kedai berkenaan.

Sehubungan itu, beliau memberitahu bahawa pemilik terbabit mempunyai pilihan sama ada menerima pampasan dalam bentuk wang tunai ataupun mendapatkan

kembali lot kedai mereka selepas kawasan itu dibangunkan.

"Pampasan akan diberi mengikut keluasan lot mereka iaitu RM150,000, RM75,000 atau RM50,000, manakala RM20,000 pula dibayar kepada gerai tambahan jika mereka bersetuju untuk mengambil pilihan tersebut.

"Walaupun bagaimanapun, mereka harus menggunakan wang sendiri untuk mencari tapak kedai lain sementara menunggu kawasan tersebut dibangunkan jika memilih untuk mendapatkan kembali lot asal," katanya.

Menurutnya, terdapat lebih kurang 205 pemilik lot kedai di kawasan yang akan dibangunkan itu dengan lebih 30 daripadanya menggunakan tanah mereka untuk berniaga dan akan dipindahkan ke Jalan Raja Muda Abdul Aziz.

Katanya, UDA Holdings Berhad sudah bersedia untuk memajukan kawasan pasar itu pada bila-bila masa sahaja, namun masih ada beberapa perkara yang perlu diselesaikan sebelum kerja-kerja pembangunan dimulakan.